7 Penyisihan Pekerjaan dan Kesejahteraan Psikologi Penghuni Penjara

Mohd Ahsani A. Malek &
Mohamad Irfan Mohamad Zabidi

Pengenalan

Penjara merupakan satu tempat penahanan individu yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah atau individu yang masih menjalani proses perbicaraan di mahkamah. Penjara sering dikaitkan dengan sistem keadilan jenayah. Individu yang ditahan di dalam penjara akan menjalani tempoh penahanan bergantung kepada tempoh hukuman yang diputuskan oleh mahkamah. Hal ini selaras dengan lima objektif Jabatan Penjara Malaysia (JPM) iaitu penahanan, keselamatan, layanan, pemulihan dan pemasyarakatan.

Statistik yang dikeluarkan oleh JPM menunjukkan peningkatan jumlah kemasukan penghuni ke dalam penjara di Malaysia dari tahun 2015 hingga 2017. Bilangan penghuni warganegara pada tahun 2015 ialah seramai 70,469 orang manakala penghuni bukan warganegara ialah 69,424 orang menjadikan jumlah keseluruhan kemasukan penghuni penjara pada tahun 2015 ialah 139,893 orang. Pada tahun 2016, bilangan penghuni penjara warganegara ialah seramai 81,293 orang manakala penghuni penjara bukan warganegara ialah seramai 62,763 orang. Jumlah kemasukan penghuni penjara pada tahun 2016 ialah 144,056 orang. Pada tahun 2017 pula menunjukkan peningkatan pada bilangan kemasukan penghuni ke penjara bagi warganegara iaitu seramai 86,541 orang manakala bukan warganegara seramai

57,850 orang. Jumlah kemasukan pada tahun 2017 ialah 144,391 (Kementerian Dalam Negeri (2017). Peningkatan jumlah kemasukan penghuni ke penjara agak membimbangkan kerana kapasiti penjara yang sedia ada mungkin tidak dapat menampung bilangan penghuni penjara yang terlalu ramai. Sehubungan dengan itu, JPM merangka pelbagai program pemulihan untuk melahirkan penghuni penjara yang dapat berbakti pada masyarakat apabila dibebaskan kelak serta dapat mengurangkan kemasukan semula bekas penghuni ke dalam penjara.

Program Pemulihan dalam Penjara di Malaysia

JPM melalui Bahagian Pengurusan Banduan mewujudkan dua seksyen iaitu Seksyen Pemulihan dan Rawatan serta Seksyen Vokasional dan Industri. Seksyen Pemulihan dan Rawatan mempunyai enam unit iaitu Unit Agama, Unit Pendidikan (Akademik), Unit Layanan, Unit Kebajikan, Unit Rawatan dan Kesihatan serta Unit Pembangunan Sahsiah. Pada tahun 2002, Unit Pembangunan Sahsiah bertanggungjawab untuk mengendalikan program pemulihan yang dikenali sebagai Program Pelan Pembangunan Insan (PPI) (Jamaludin, 2015). Objektif penubuhan Bahagian Pengurusan Banduan:

1. Memastikan banduan/tahanan/juvana mengikuti program pemulihan sepanjang tempoh mereka berada dalam penahanan.
2. Memastikan banduan/tahanan/juvana mendapatkan layanan sewajarnya dari aspek rawatan kesihatan, kaunseling, pendidikan dan kebajikan.
3. Meningkatkan keberkesanan program-program rawatan dan pemulihan bagi penagihan dadah.
4. Memberikan latihan kemahiran bersijil kepada semua banduan/tahanan/juvana yang layak semasa penahanan sebagai persiapan pekerjaan apabila dibebaskan.
5. Membangunkan dan membuat penyelidikan bagi produk baharu yang mampu bersaing dalam pasaran.

PPI dibahagikan kepada empat fasa: (1) Orientasi, (2) Pengukuhan Sahsiah, (3) Kemahiran, dan (4) Prabebas. Fasa Orientasi mengambil masa selama dua atau tiga bulan. Dalam tempoh ini, penghuni penjara perlu mengikuti submodul pembinaan disiplin dan sahsiah diri, di samping proses pendidikan memfokuskan pembentukan diri, pengurusan diri, muhasabah diri, kemahiran sosial, perlakuan jenayah dan kenegaraan. Fasa ini merupakan fasa untuk penghuni penjara mempersiapkan diri bagi mengikuti beberapa modul pemulihan yang lebih intensif seperti ilmu keagamaan, akhlak dan terapi kerohanian.

Fasa seterusnya yang perlu dilalui oleh penghuni penjara jika masih menjalani hukuman penjara ialah Fasa Pengukuhan Sahsiah yang perlu dilalui dalam tempoh masa enam bulan. Fasa ini mempunyai tiga tahap yang mana penghuni penjara perlu melalui setiap tahap selama dua bulan. Tahap satu lebih menumpukan pembelajaran agama yang merangkumi pembelajaran akidah, solat, taubat, kenali diri dan istiqamah. Tahap dua lebih menekankan pembangunan jati diri yang merangkumi pembelajaran konsep balasan dalam Islam, pencegahan dan kawalan diri, serta hikmah perintah dan larangan Allah. Tahap tiga pula ialah tahap penghayatan apabila penghuni penjara dilatih menghayati dan mengamalkan Islam sebagai cara hidup di samping pembelajaran gaya hidup seorang yang beragama Islam, hidup bermasyarakat, tawakal, syukur, reda, dan belajar konsep tahan diri.

Fasa Kemahiran ialah fasa ketiga merangkumi kemahiran dan vokasional yang mengambil masa selama enam bulan. Fasa ini memberikan peluang kepada penghuni penjara untuk memilih pengajian akademik (Kelas 3M, PT3, SPM, STPM, diploma, sarjana muda, dan sarjana) atau kemahiran vokasional sebagai ilmu tambahan sebelum dibebaskan. Beberapa buah agensi mengambil bahagian dalam menyediakan kelas kemahiran vokasional kepada penghuni penjara seperti bengkel jahitan, batik, songket dan bengkel perusahaan yang lain. JPM menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja bagi membantu penghuni penjara memasuki pasaran kerja.

Program vokasional ini dibahagikan kepada tiga buah bengkel iaitu bengkel Perusahaan, bengkel Amanah dan bengkel Skim Usaha Sama. Bengkel Perusahaan ditubuhkan bagi memberikan peluang kepada penghuni penjara yang baru menjalani hukuman di penjara dan masih belum mahir untuk mendapat latihan kemahiran asas serta dibayar gaji mengikut peringkat yang ditetapkan. Bengkel Amanah memberikan peluang kepada penghuni penjara yang mempunyai kemahiran yang lebih tinggi dalam aktiviti vokasional berbanding penghuni penjara yang menyertai bengkel perusahaan. Bengkel Skim Usaha Sama pula ditubuhkan dengan membuka peluang kepada pihak swasta untuk bekerjasama memberikan latihan kepada penghuni penjara. Sehingga bulan April 2016, seramai 1,782 orang penghuni penjara terlibat dengan program latihan kemahiran bersijil yang terbahagi kepada lima program: (1) Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) melalui Sistem Latihan Dual Nasional seramai 1065 orang penghuni; (2) SKM melalui Sistem Latihan Dual Nasional Khas/Peningkatan Tahap seramai 150 orang penghuni; (3) SKM melalui Sistem Latihan Dual National Pemanduan Kenderaan Perdagangan seramai 100 orang penghuni; (4) Sijil Kemahiran Kecekapan (SKK) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) seramai 199 orang penghuni; dan (5) Sijil Modular seramai 268 orang penghuni (Kementerian Dalam Negeri, 2017).

Fasa Prabebas ialah fasa keempat dan terakhir. Pemilihan untuk kemasukan ke fasa ini hanya dibuat kepada penghuni penjara yang berjaya menjalani ketiga-tiga fasa dengan baik, mempunyai baki hukuman tidak melebihi setahun, dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Modul Pemasyarakatan bertujuan memberikan latihan dan sebagai persediaan kepada penghuni penjara untuk diintegrasikan semula ke dalam masyarakat. Rajah 7.1 menunjukkan ringkasan program pemulihan dalam penjara di Malaysia.

Setiap penghuni penjara akan melalui setiap fasa dalam program PPI sehingga penghuni penjara tamat menjalani hukuman di dalam penjara bergantung kepada tempoh hukuman.

Program pemulihan yang diperkenalkan akan diaplikasikan kepada penghuni penjara mengikut kesesuaian mereka seperti penghuni penjara yang melakukan kesalahan berkaitan dadah akan menjalani Modul Terapi Komuniti (TC), penghuni penjara yang berulang kali memasuki penjara (residivis) akan menjalani Modul Residivis dan Modul Halaqah diaplikasikan kepada orang Islam manakala Modul Moral diaplikasikan kepada orang yang bukan Islam (Wan Roslili & Najibah, 2015).

Penyisihan Pekerjaan bagi Penghuni Penjara

Namun begitu, jika dilihat kepada program pemulihan seperti dalam Rajah 7.1, masih belum terdapat program atau modul khusus yang dibangunkan bagi membantu penghuni penjara yang berada dalam Fasa Satu dan Fasa Dua untuk membuat persediaan kerjaya sebelum mereka dibebaskan. Ini bermakna hanya penghuni penjara yang berada dalam Fasa Tiga dan Fasa Empat iaitu penghuni penjara yang menjalani tempoh hukuman lebih daripada sembilan (9) bulan sahaja yang layak untuk mendapatkan latihan dan kemahiran kerjaya. Hal ini menyebabkan penghuni penjara yang menjalani hukuman kurang daripada sembilan bulan tidak sempat atau tidak menjalani sebarang program berkaitan pekerjaan semasa mereka ditahan di penjara.

Penghuni ini dibebaskan dan kembali ke masyarakat tanpa mempunyai persediaan dan maklumat berkaitan pekerjaan sebagai bekas banduan.



Rajah 7.1 Program pemulihan dalam penjara di Malaysia.

Sumber. Jamaludin (2015).

Bekas penghuni penjara berhadapan dengan beberapa halangan besar dalam proses mencari pekerjaan setelah dibebaskan. Halangan pertama yang dihadapi oleh bekas penghuni penjara kerana pencapaian akademik yang rendah (Brown, 2011) termasuk kekurangan kemahiran membaca dan menulis (Vacca, 2004). Bloom (2006) mendapati sebanyak 40 peratus daripada jumlah penghuni penjara terdiri daripada individu yang tidak melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah. Hal ini menyebabkan mereka tidak mempunyai kebolehan untuk membaca dan menulis, mempunyai konsep kendiri yang rendah, dan mempunyai sikap negatif terhadap pendidikan. Di samping itu juga, banyak individu yang menghadapi masalah dalam pasaran pekerjaan kerana mereka kekurangan kemahiran asas dan akademik yang diperlukan oleh majikan dan mereka juga tidak bersedia untuk memenuhi permintaan di tempat kerja (Jodina, 2004). Hakikatnya dengan tahap pendidikan yang rendah menyebabkan bekas penghuni penjara mempunyai peluang pekerjaan yang terhad serta ditawarkan dengan gaji yang rendah. Oleh sebab tiada pilihan bagi meneruskan kelangsungan hidup, mereka cenderung untuk mengambil jalan yang singkat dengan melakukan jenayah seperti merompak dan mencuri.

Halangan kedua ialah kekurangan kemahiran berkaitan aspek pekerjaan seperti kekurangan kemahiran kebolehpasaran kerja, kekurangan pengalaman, dan kemahiran kognitif (Bloom, 2006; Dougherty, 2012; Holzer, Raphael & Stoll, 2003; Latessa, Listwan & Koetzle, 2014). Tempoh masa yang dihabiskan ketika menjalani hukuman di dalam penjara menghalang bekas penghuni untuk menimba pengalaman tambahan. Selain itu, faktor menjalani hukuman penjara menyebabkan kemahiran pekerjaan mereka semakin berkurangan kerana tidak praktis. Kesan penghuni penjara menjalani hukuman di dalam penjara juga menjejaskan hubungan mereka dengan bekas majikan terdahulu kerana kebanyakan daripada mereka telah dibuang kerja. Bekas majikan tidak menerima mereka kembali bekerja kerana mempunyai rekod sebagai bekas banduan. Bekas penghuni penjara menghadapi halangan dan cabaran untuk mendapatkan pekerjaan kerana tidak

memenuhi kriteria yang diperlukan oleh majikan iaitu kekurangan dari segi kemahiran dan pengalaman kerja.

Halangan ketiga yang dihadapi oleh bekas penghuni penjara berkaitan ciri-ciri peribadi seperti kekurangan dokumen pengenalan diri serta pakaian yang sesuai untuk sesi temu duga, pengangkutan, kekurangan bantuan penjagaan anak, miskin atau tidak wujud sokongan keluarga, tiada tempat tinggal, konsep kendiri yang rendah, kepercayaan negatif, serta kekurangan pengetahuan mengenai minat dan kebolehan diri (Latessa, Listwan & Koetzle, 2014). Sebahagian besar bekas penghuni penjara mempunyai masalah yang menyukarkan untuk majikan mengambil mereka bekerja seperti masalah kesihatan, masalah kecacatan fizikal dan mental, serta masalah penagihan dadah. Hal ini terbukti kerana sebanyak 31 peratus penghuni penjara negeri di Amerika Syarikat mempunyai masalah kecacatan fizikal dan mental. Di samping itu, sebanyak 57 peratus penghuni penjara melaporkan mereka menagih dadah sebelum ditangkap (Bloom, 2006).

Halangan keempat ialah polisi kerajaan dan pihak majikan. Bekas penghuni penjara menghadapi kekangan undang-undang yang menghalang bekas penghuni penjara daripada pekerjaan tertentu. Contohnya, kebanyakan negeri di Amerika Syarikat membenarkan pihak majikan untuk tidak mengambil pekerja yang mempunyai rekod jenayah (Legal Action Center 2004). Stigma oleh pihak berkuasa dan pihak majikan ini menyukarkan bekas penghuni penjara untuk mencari pekerjaan kerana peluang pekerjaan yang terhad menjadi halangan untuk bekas penghuni penjara kembali ke dalam masyarakat (Brown, 2011; Rissew, 2016; Visher & Travis, 2003). Selain itu, individu yang berhenti kerja akibat ditahan di dalam penjara akan memberikan kesan buruk kepada rekod pekerjaannya (Rakis, 2005).

Halangan yang dihadapi oleh bekas penghuni penjara ini menyukarkan mereka untuk berjaya dalam pekerjaan jika tidak mendapatkan bantuan daripada mana-mana pihak. Tanpa sokongan dan bimbingan, proses pencarian pekerjaan oleh bekas penghuni penjara tidak akan berjaya. Oleh sebab itu, bagi

membantu bekas penghuni penjara untuk mendapatkan pekerjaan setelah dibebaskan daripada penjara, pendidikan yang sesuai perlu diberikan kepada penghuni penjara.

Penghuni penjara menghadapi masalah kekurangan pengalaman, pendidikan, pengetahuan dan kemahiran berkaitan kerjaya disebabkan oleh kurangnya pendedahan dan pelaksanaan kepada program intervensi yang berkaitan perkembangan kerjaya. Thompson dan Cummings (2010) menekankan bahawa perlunya latihan kerjaya diberikan kepada penghuni penjara sebelum mereka dibebaskan. Faktor yang membawa kepada kejayaan penghuni selepas dibebaskan dengan mengajar penghuni untuk bekerjasama dengan rakan sekerja, menggunakan rangkaian sokongan, memahami proses kenaikan pangkat dan menghadiri latihan kerjaya.

Pekerjaan terbukti memberikan manfaat kepada bekas penghuni penjara. Bekas penghuni penjara yang terlibat dengan pekerjaan selama 40 jam seminggu bukan sahaja dapat menjana pendapatan malah dapat mengurangkan kebosanan untuk terlibat dengan rakan yang tidak baik. Pekerjaan juga dapat memberikan peluang untuk membina hubungan dengan individu yang patuh kepada undang-undang dan dapat membantu bekas penghuni penjara membina semula identiti diri (Bahr et al., 2010). Sementara itu, pekerjaan juga sering dikaitkan dengan kadar residivisme yang bermaksud kemasukan semula bekas penghuni ke dalam penjara (Latessa, Listwan & Koetzle, 2014). Penghuni penjara perlu menyertai latihan vokasional serta program kerjaya setelah dibebaskan kerana latihan dan program kerjaya terbukti dapat mengurangkan kadar residivisme dan kadar jenayah (Dougherty, 2012).

Menurut Latessa, Listwan dan Koetzle (2014) dalam buku mereka yang bertajuk *What Work* (*and doesn't*) *in Reducing Recidivism* bahawa pendidikan dan pekerjaan merupakan kesukaran utama yang dihadapi oleh penghuni penjara. Kadar pengangguran bagi bekas penghuni penjara dianggarkan sekurang-kurangnya dua kali ganda daripada populasi. Pekerjaan merupakan isu utama bagi

program kemasukan semula ke dalam masyarakat. Bekas penghuni penjara sukar untuk mencari pekerjaan kerana mempunyai rekod jenayah, sejarah menjalani hukuman, dan kurang berkemahiran. Penghuni penjara yang terlibat dengan program pendidikan dan pekerjaan dapat mengurangkan tahap jenayah di samping dapat membantu mengurangkan rasa tegang atau tertekan ketika berada di dalam penjara serta membantu memudahkan proses kemasukan semula ke dalam masyarakat.

Selain daripada program yang memfokuskan pekerjaan, menurut Bloom (2006) masih terdapat kelompangan dalam kajian berkaitan populasi penghuni penjara iaitu dari aspek pendapatan tambahan, strategi yang memfokuskan pihak majikan, perubahan sistem yang sedia ada, program lain seperti program penyalahgunaan dadah serta strategi latihan dan pendidikan. Program pendidikan yang menekankan akademik, vokasional dan pendidikan sosial dapat membantu penghuni penjara meningkatkan kemahiran sosial, perkembangan artistik, serta strategi dan teknik untuk mengurus emosi (Vacca, 2004). Penghuni penjara memerlukan pendidikan bukan sahaja untuk membolehkan mereka membaca dengan baik, malah memberikan peneguhan yang membolehkan mereka melalui fasa peralihan daripada penjara kepada masyarakat dengan baik.

Tolbert (2012) mengenal pasti bahawa memberikan pendidikan dan latihan kepada penghuni penjara dapat meningkatkan peluang untuk mendapatkan pekerjaan, menangani kelemahan kognitif dan mengurangkan residivis. Jabatan Pendidikan Amerika Syarikat melalui Pejabat Vokasional dan Pendidikan menyokong pembangunan model pendidikan koreksional kemasukan semula ke dalam masyarakat untuk menghubungkan jurang antara penjara dengan pendidikan berasaskan komuniti serta program latihan. Matlamat model ini memastikan penghuni penjara dapat menimba pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi mendapatkan pekerjaan tetap serta melalui fasa peralihan daripada penjara kepada masyarakat dengan berjaya.

Selain itu, dari aspek perundangan di Malaysia, penghuni penjara yang sedang menjalani hukuman mempunyai hak untuk memperoleh pendidikan dan pekerjaan. Undang-undang yang diperuntukkan di Malaysia khususnya Peraturan Penjara 2000 melindungi hak penghuni penjara iaitu memperoleh jaminan kelangsungan hidup, hak mengamalkan agama, hak untuk memperoleh pendidikan, hak untuk mengekalkan hubungan dengan anggota keluarga, dan bekerja serta memperoleh pendapatan (Wan Roslili & Najibah, 2015).

Thompson dan Cummings (2010) mendapati bahawa perbincangan tentang peranan pekerjaan dalam kehidupan bekas penghuni penjara terhad dalam literatur psikologi vokasional. Kaunselor haruslah memainkan peranan dalam mengembangkan dan melaksanakan intervensi kerjaya yang dapat membantu bekas penghuni penjara untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan minat mereka kerana persediaan pekerjaan untuk bekas penghuni penjara sangat diperlukan.

Walaupun sudah terdapat pelbagai program pendidikan vokasional yang wujud, namun latihan kemahiran pekerjaan dan bimbingan kerjaya adalah kurang (Vernick & Reardon, 2001). Di samping itu, kekurangan penyelidikan tentang perkembangan kerjaya bekas penghuni penjara menyebabkan hilangnya golongan ini dalam teori perkembangan kerjaya (Thompson & Cummings, 2010). Intervensi kerjaya perlu dikembangkan dan dilaksanakan kepada populasi penghuni penjara kerana hanya sedikit perhatian diberikan dalam literatur psikologi kaunseling mengenai keperluan vokasional oleh penghuni penjara dan bekas penghuni penjara.

Penyisihan penghuni penjara dalam aspek pekerjaan ini mendapat perhatian daripada pihak kerajaan Malaysia yang mana sebanyak RM 20 juta bajet tahun 2021 diperuntukkan kepada JPM bagi pelaksanaan PPI menerusi meningkatkan kemahiran vokasional dalam kalangan penghuni penjara. Selain itu, pihak kerajaan juga memberikan potongan cukai tambahan kepada pihak majikan yang mengambil bekas penghuni penjara dan bekas penagih dadah sebagai pekerja. Ini merupakan satu inisiatif yang

baik diambil oleh kerajaan Malaysia dalam membantu penghuni dan bekas penghuni penjara.

Kesan Penyisihan Sosial terhadap Kesejahteraan Psikologi Penghuni dalam Penjara

Perubahan kesejahteraan psikologi penghuni bergantung kepada penghuni itu sendiri (konsep kendiri) sama ada dalam bentuk perubahan yang positif atau negatif. Kesejahteraan psikologi ini dirujuk sebagai kemampuan manusia untuk menghadapi tekanan hidup, mencari kebahagiaan, membangunkan keyakinan diri serta mengelakkan diri daripada terlibat sesuatu masalah atau konflik dalam hidup (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2005). Menurut Ryff (1989), ia berpendapat bahawa kesejahteraan psikologi merupakan satu konsep yang bertindak menunjukkan kefungsian psikologikal yang positif. Terdapat enam dimensi yang utama dalam kesejahteraan psikologi seperti hubungan positif dengan orang lain, matlamat hidup, penerimaan kendiri, autonomi, perkembangan peribadi dan menguasai persekitaran.

Kesemua dimensi ini meliputi teori lain yang berkaitan psikologi perkembangan, psikologi kesihatan mental dan psikologi klinikal. Contohnya, konsep keperibadian daripada teori Gordon Allport dan Carl Rogers, konsep diri daripada teori Maslow dan konsep personaliti daripada Carl Jung. Terdapat penghuni yang emosinya terganggu sehinggakan menunjukkan perubahan terhadap psikologi dan tingkah laku yang negatif. Antaranya sentiasa mengasingkan diri daripada bergaul dengan penghuni lain, turun berat badan, kesukaran untuk tidur, merasakan sedih yang berpanjangan, sentiasa menyalahkan diri sendiri, hilang selera makan dan sebagainya. Situasi ini berlaku disebabkan beberapa perkara seperti penyisihan sosial, pengalaman pertama masuk penjara, memikirkan pasangan yang menyara anak-anak seorang diri, tidak dapat menjaga ibu bapa yang sakit, merasakan penyesalan yang mendalam, merasakan teraniya, merasakan putus asa dan hilang semangat untuk terus hidup.

Penyisihan sosial merupakan salah satu faktor utama yang boleh mempengaruhi kesejahteraan psikologi penghuni. Hal ini kerana penghuni penjara merupakan salah satu golongan individu kelas bawahan yang mempunyai pelbagai isu dan menghadapi kesukaran hidup serta tidak dapat menjalankan kefungsian dalam aspek ekonomi dan sosial dengan berkesan yang menyebabkan mereka tidak mempunyai peluang sosial bagi memperkembang diri (Bakar, Omar & Abd Wahab, 2012).

Penyisihan sosial dalam situasi ini merujuk hubungan kekeluargaan dan stigma masyarakat terhadap penghuni dan juga keluarganya. Berlakunya penolakan daripada pihak keluarga malah tidak mengambil peduli mengenai kehidupan penghuni yang menyebabkan penghuni tersebut merasakan keluarganya tidak lagi menyayangi dirinya. Faktor stigma masyarakat bukan hanya memberikan kesan kepada penghuni malah turut memberikan kesan negatif kepada keluarga. Situasi ini menyebabkan keluarga penghuni terpaksa berpindah ke kawasan yang lain kerana tidak mampu menghadapi cercaan oleh masyarakat setempat (Gill & Tranter, 2012).

Terdapat penghuni baharu (pertama kali) yang tidak dapat membiasakan diri dengan persekitaran di dalam penjara. Keadaan dan suasana dalam penjara adalah berbeza berbanding di luar penjara. Kebebasan mereka adalah terhad dan aktiviti mereka dikawal oleh pegawai penjara. Tempat tidur mereka juga beralaskan lantai malah tilam hanya diperuntukkan kepada penghuni yang sakit dan tahap kesihatan perlu disahkan oleh doktor terlebih dahulu. Sesetengah penjara (penjara lama) tidak mempunyai tandas di dalam sel dan hanya diberikan sebiji baldi bagi setiap sel untuk penghuni membuang air kecil atau besar.

Kejutan budaya seperti inilah yang menyebabkan emosi dan kesejahteraan psikologi penghuni terganggu dan memakan sedikit masa untuk membiasakan diri. Menurut Morgan (1981), keadaan yang sedia ada akan menjadi semakin teruk dan mewujudkan masalah kesejahteraan psikologi dalam kalangan penghuni disebabkan kehidupan di dalam penjara. Penghuni yang

berada di situasi ini amat memerlukan sokongan moral daripada pihak lain terutamanya daripada pihak keluarga. Penghuni mula rasa tersisih dan tidak dipedulikan apabila pihak keluarga tidak menghadirkan diri ketika sesi lawatan. Kesannya, penghuni tidak dapat beradaptasi dengan persekitaran baharu di penjara malah ia memberikan impak yang negatif terhadap kesejahteraan psikologi dirinya.

Selain itu, emosi penghuni terganggu apabila memikirkan keadaan keluarganya yang tidak mempunyai kewangan yang stabil. Tambahan pula, keluarga datang mengadu masalah kepada penghuni sewaktu lawatan bertemu dengan keluarga. Hal ini berlaku disebabkan oleh keluarganya hilang punca pendapatan apabila penghuni berada di dalam penjara. Keluarganya juga tidak dapat bantuan kewangan daripada keluarga besar disebabkan penghuni merupakan seorang banduan. Ahli keluarganya juga dipulau oleh masyarakat setempat disebabkan wujudnya stigma negatif terhadap penghuni malah isteri dan anak-anaknya sukar mendapatkan peluang pekerjaan di tempat tinggal mereka (terutamanya di kawasan kampung). Situasi ini akan membuatkan penghuni sentiasa memikirkan perkara yang buruk akan berlaku terhadap keluarganya (wujudnya pemikiran yang tidak rasional). Kesannya penghuni tidak cukup tidur, tidak mempunyai selera makan dan sentiasa mengasingkan diri daripada bergaul dengan penghuni lain. Jika ia tidak menjalani sesi kaunseling, kemungkinan besar penghuni tersebut akan mengalami depresi serta mempunyai potensi untuk bertindak agresif (mudah merasakan marah dan hilang kawalan diri).

Namun demikian, perasaan tersebut akan berkurang apabila penghuni mengetahui keadaan semasa mengenai keluarganya yang dapat meneruskan kehidupan tanpa bergantung kepada penghuni. Jamiaah dan Jalil (2017) juga mendapati bahawa salah satu faktor isu kebimbangan yang berlaku dalam kalangan penghuni wanita disebabkan ketidakpastian tentang keadaan anak-anak. Mereka juga dapat mengenal pasti bahawa majoriti penghuni yang mengalami kebimbangan yang teruk ialah penghuni yang mempunyai anak-anak.

Penyisihan sosial turut memberikan impak terhadap konsep kendiri penghuni. Penerimaan terhadap dirinya mula berkurang apabila berlakunya penolakan daripada pihak keluarga dan masyarakat malah tidak mempunyai peluang sosial. Situasi ini mendorong penghuni untuk mengalami depresi dan mudah marah disebabkan oleh konsep kendiri yang negatif dan penerimaan kendiri yang lemah. Terdapat penghuni yang merasakan penyesalan yang mendalam sehinggakan menyalahkan diri sendiri (penghuni merasakan tidak berguna dan tidak layak untuk hidup). Kesannya ialah kesejahteraan psikologi penghuni akan terganggu dan mampu mendorong penghuni menghidapi penyakit mental seperti depresi yang teruk. Di samping itu, sekiranya seseorang individu itu tidak dapat menerima keadaan dirinya, merasakan sedih dan kecewa terhadap kehidupannya maka tahap penerimaan kendirinya adalah lemah (Ryff, 1989).

Hal ini menunjukkan bahawa pentingnya sokongan sosial terhadap penghuni bagi meningkatkan kesejahteraan psikologi mereka supaya berlakunya perkembangan diri yang positif. Kaunselor atau pegawai psikologi di penjara memainkan peranan yang penting bagi memastikan keadaan emosi dan psikologi penghuni dalam keadaan yang baik dan stabil. Antara salah satu cara mereka mengenal pasti keadaan penghuni adalah dengan menggunakan alat ujian psikologi seperti Ujian Saringan Stres, Kebimbangan dan Kemurungan (DASS), *Beck Depression Inventory* (BDI) dan Saringan Status Kesihatan Mental - 20 (SSKM-20).

Penghuni yang mempunyai keputusan ujian yang teruk akan dipanggil untuk menjalani sesi kaunseling bagi membantu meningkatkan semula kesejahteraan psikologi mereka. Sesi kaunseling tersebut dapat dilakukan secara individu atau berkelompok mengikut kesesuaian dan keselesaan penghuni. Perkhidmatan kaunseling memberikan banyak sumbangan dalam membantu individu bagi meningkatkan psikologikal manusia.

Latiff, Malek, Sulaiman dan Ahmed (2018), berpendapat bahawa kemahiran kaunseling yang diaplikasikan dengan tersusun dan konsisten serta pengaplikasian teori kaunseling yang tepat

mengikut proses kaunseling mampu menjamin keberkesanan bagi sesi kaunseling yang dijalankan. Sesi tersebut perlu dilakukan sesi lanjutan untuk melihat perkembangan kesejahteraan psikologi penghuni dari masa ke masa. Keberkesanan sesi kaunseling kelompok boleh dilihat dalam kajian Latif et al. (2018) yang mana berlakunya penurunan tahap kemurungan dalam kalangan penghuni yang terlibat dengan Modul Rawatan Kaunseling Kelompok Terapi Integratif.

Modul ini melibatkan empat teori yang digabungkan dalam satu proses kaunseling (enam kali sesi kaunseling) iaitu *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT), *Person Client Centered* (PCC), *Rational Emotions Behaviour Therapy* (REBT) dan *Stimulus Organisme Response* (SOR). Hasil daripada sesi kaunseling kelompok tersebut mendapati bahawa penghuni mempunyai keupayaan menyesuaikan diri serta mampu mengatasi isu yang dialaminya. Hal ini berlaku kerana modul tersebut mempunyai latihan dalam bentuk praktikal dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Situasi ini menurunkan tahap agresif serta kemurungan penghuni yang seterusnya meningkatkan kesejahteraan psikologi dalam diri mereka.

Selain itu, terapi seni juga menjadi salah satu alat bantuan untuk membantu meningkatkan kesejahteraan psikologi dalam kalangan penghuni. Menurut Malchiodi (2003), terapi seni antara terapi yang sesuai bagi mengawal emosi, penyelesaian isu yang melibatkan pengalaman trauma serta meningkatkan kesejahteraan hidup manusia. Saralah Devi dalam kajian Amos dan Khairani (2019), mengatakan bahawa penghuni dapat berkongsi emosi secara bebas serta membantu mereka dalam melakukan perubahan. Aktiviti ini melibatkan aktiviti berfikir, refleksi serta meluahkan perasaan yang terpendam. Secara tidak langsung, akan meningkatkan kesejahteraan psikologi penghuni dari masa ke masa.

Aktiviti terapi ini selalunya dilaksanakan dalam bentuk kelompok atau kumpulan yang mana ahli kelompok akan memainkan peranan dalam memberikan sokongan moral

dan kata-kata semangat antara satu sama lain. Situasi ini akan meningkatkan motivasi penghuni untuk teruskan kehidupannya serta mampu menghadapi dugaan hidup yang mendatang. Aktiviti ini juga merupakan salah satu sokongan sosial yang berlaku antara sesama penghuni.

Di samping itu, sokongan sosial juga menjadi salah satu bantuan yang penting bagi meningkatkan kesejahteraan psikologi penghuni. Sokongan sosial ini melibatkan sokongan daripada keluarga, rakan-rakan dan kakitangan JPM. Pembinaan persekitaran sosial yang positif adalah amat penting bagi menjaga kesejahteraan psikologi dan kesihatan mental penghuni. Keberkesanan program yang dilaksanakan di dalam penjara juga bergantung kepada sokongan sosial dari kakitangan JPM (layanan yang baik dan sama rata terhadap semua penghuni).

Jamiaah dan Jalil (2017) mendapati bahawa wujudnya pembentukan psikologi penghuni yang positif dan seimbang disebabkan oleh program pemulihan yang disediakan serta sokongan sosial yang positif dari kakitangan JPM. Situasi ini mampu membantu penghuni bagi menyesuaikan diri dengan persekitaran dalam penjara. Program pemulihan yang melibatkan keagamaan dan moral adalah untuk mewujudkan motivasi daripada faktor dalaman (dalam bentuk spiritual) manakala sokongan sosial adalah untuk meningkatkan motivasi dari faktor luaran (hubungan sosial). Pentingnya sokongan sosial ini bagi meningkatkan kesejahteraan psikologi penghuni kerana ia dapat membantu dalam perkembangan diri yang positif dari semasa ke semasa. Namun, pihak yang paling utama dalam memberikan sokongan sosial ialah pihak keluarga penghuni. Hal ini kerana penghuni mempunyai risiko yang tinggi dalam pengulangan jenayah setelah dibebaskan jika berlakunya penolakan daripada pihak keluarga (Sanei & Mir-Khalili, 2015).

Secara kesimpulannya, kesejahteraan psikologi serta emosi penghuni boleh terganggu dan terjejas apabila mereka berada di dalam penjara. Penghuni merupakan salah satu golongan yang berisiko tinggi bagi mengalami penyisihan sosial yang mana

penyisihan tersebut berlaku disebabkan oleh perbuatan salah laku jenayah (*United Nations Development Programme Crotia*, 2006). Peranan kaunselor, pegawai agama, pegawai psikologi dan kakitangan JPM adalah penting bagi mewujudkan persekitaran sosial yang positif melalui sokongan sosial. Penglibatan mereka juga turut membantu mewujudkan kesejahteraan psikologi yang seimbang dalam kalangan penghuni. Hal ini penting kerana penghuni dapat melakukan perubahan tingkah laku dan pemulihan akhlak yang positif sekiranya kesejahteraan psikologi mereka dalam keadaan yang baik dan seimbang malah dapat mengurangkan risiko pengulangan jenayah setelah dibebaskan kelak.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pekerjaan merupakan aspek dan keperluan penting yang perlu dipenuhi oleh bekas penghuni penjara bagi mengelakkan mereka kembali melakukan kesalahan lampau. Namun begitu, penyisihan dan stigma oleh masyarakat menyebabkan mereka tidak diambil bekerja dan ada yang diberhentikan kerja semata-mata mereka mempunyai rekod sebagai bekas penghuni penjara. Masyarakat tidak wajar menyisihkan kumpulan bekas penghuni penjara ini kerana ada dalam kalangan mereka yang benar-benar insaf dan ingin kembali ke pangkal jalan. Tanpa sokongan dan penerimaan daripada anggota masyarakat, bekas penghuni penjara ini mungkin akan kembali melakukan jenayah dan kembali menjalani hukuman di penjara. Kesejahteraan psikologi serta emosi penghuni boleh terganggu dan terjejas apabila mereka berada di dalam penjara. Peranan kaunselor, pegawai agama, pegawai psikologi dan kakitangan JPM penting bagi membantu mewujudkan kesejahteraan psikologi yang seimbang dalam kalangan penghuni. Hal ini penting kerana penghuni dapat melakukan perubahan tingkah laku dan pemulihan akhlak yang positif sekiranya kesejahteraan psikologi mereka dalam keadaan yang baik dan seimbang.

Rujukan

Amos, F. V., & Khairani, M. Z. (2019). Seni sebagai terapi banduan melalui program kreatif seni di penjara Malaysia. *Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni, 7*, 105–113.

Bahr, S. J., Harris, L., Fisher, J. K., & Armstrong, A. H. (2010). Successful reentry what differentiates successful and unsuccessful parolees? *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology, 54*(5), 667–692.

Bakar, S. H. A., Omar, N., & Abd Wahab, H. (2012). Intervensi sosial untuk komuniti tersisih: Ke arah pembangunan ummah (Social intervention for marginalized community: Towards The development of ummah). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, *4*(2), 29–44.

Bloom, D. (2006). *Employment-focused program for ex-prisoner: What have we learned, what are we learning, and where should we go from here?* Kertas Kerja Mesyuarat National Poverty Center. University of Michigan, Michigan, 24 Mei.

Brown, C. (2011). Vocational psychology and ex-offenders' reintegration: A call for action. *Journal of Career Assessment, 19*(3), 333–342.

Dougherty, J. 2012. Survey reveals barriers to successful ex-offender re-entry. Judicial process commission. https://www.rit.edu/cla/criminaljustice/sites/ritedu.cla.criminaljustice/files/docs/workingpapers/2013/survey%20reveals%20barriers%20to%20successful%20ex-offender%20re-entry.pdf

Holzer, H. J., Raphael, S., & Stoll, M. A. (2003). Employment barriers facing ex-offenders. Kertas Kerja Urban Institute Reentry Roundtable, Employment Dimensions of Reentry: Understanding the Nexus Between Prisoner Reentry and Work, Pusat Undang-Undang, New York University, New York 19-20 Mei.

Gill, O, & Tranter, L (2012). *Family Support for Children and Families Affected by Imprisonment: A Handbook for Families First Services In Wales*. Barkingside: Barnardo's..https://

www.nicco.org.uk/userfiles/downloads/452%20%20Families%20First%20Barnardo_s%20Handbook.pdf

Jabatan Penjara Malaysia. (2020). Statistik Kemasukan dan Pembebasan Penghuni Penjara. Dicapai daripada http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-kemasukan-dan-pembebasan-penjara-mengikut-kategori-penghuni-dan-warganegara

Jamaludin Saad. (2015). Cabaran dalam usaha membangunkan dan melaksanakan modul pemulihan di dalam penjara untuk pesalah jenayah syariah. *Jurnal Undang-Undang Malaysia, 27*(1), 169-178

Jamiaah, S., & Jalil, A. (2017). *Pengaruh program keagamaan dan sokongan sosial terhadap konsep kendiri, kebimbangan dan kemurungan: Kajian dalam kalangan banduan wanita di Malaysia* (Disertasi kedoktoran). University of Malaya.

Jodina, H. 2004. Employment upon re-entry: Prison-based preparedness leads to community-based success. *Correction Today, 66*(6), 104–107.

Kementerian Dalam Negeri. (2017). Statistik program latihan kemahiran bersijil kepada banduan. http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-program-latihan-kemahiran-bersijil-kepada-banduan

Kementerian Kesihatan Malaysia (2005). *Manual mesej utama dan sokongan: kempen cara hidup sihat setting tempat kerja.* Bahagian Pendidikan Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia. https://pdfslide.net/reader/f/manual-mesej-utama-dan-sokongan

Latessa, E. J., Listwan, S. J., & Koetzle, D. (2014). *What work (and doesn't) in reducing recidivism*. Anderson.

Latiff, A. C., Malek, M. D. A., Sulaiman, W. A. W., & Ahmed, P. H. M. (2018). Kesan rawatan terapi integratif terhadap kemurungan dan agresif dalam kalangan banduan penjara. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *3*(4), 73–82.

Legal Action Center. (2004). *After prison: Roadblocks to reentry a report on state legal barriers facing people with criminal records.*

https://lac.org/roadblocks-to-reentry/upload /lacreport/ LAC_PrintReport.pdf

Malchiodi, C. A. (2003). *Handbook of art therapy*. Guilford Press.

Morgan, C. (1981). Developing mental health services for local jails. *Criminal Justice & Behavior*, *8*(3), 259–262.

Rakis, J. (2005). Improving the employment rates of ex-prisoners under parole. *Journal of Correctional Philosophy and Practice, 69*(1), 7–12.

Rissew, K. (2016). Diminishing the barriers to prisoner reentry. https://www.siena. edu/assets/files/general/ace-cpi-brief-2016-diminshing- barriers-to-prisoner-reentry.pdf

Ryff, C. D. (1989). Happiness is everything, or is it? Explorations on the meaning of psychological well-being. *Journal of Personality and Social Psychology*, *57*(6), 1069–1081.

Sanei, M. & Mir-Khalili, S.M (2015). Factors affecting recidivism and return to prison male prisoners in the prisons of the west of Guilan and strategies for prevention. *Journal of Scientific Research and Development*, *2*(2), 156–161.

Thompson, M. N., & Cummings, D. L. (2010). Enhancing the career development of individuals who have criminal records. *The Career Development Quarterly, 58*, 209–218.

Tolbert, M. (2012). A reentry education model supporting education and career advancement for low-skill individuals in corrections. https://www2.ed.gov/about/offices/list/ovae/pi/ AdultEd/reentry-model.pdf

United Nations Development Programme (UNDP). (2006). *Poverty, unemployment and social exclusion*. Crotia.https://issuu.com/undphr/docs/poverty_unemployment_and_social_ex

Vacca, J. S. 2004. Educated prisoner are less likely to return to prison. *The Journal of Correctional Education*, *55*(4), 297–304.

Vernick, S. H., & Reardon, R. C. (2001). Career development programs in correction. *Journal of Career Development, 27*(4), 265–277.

Visher, C. A., & Travis, J. (2003). Transitions from prison to community: understanding individual pathways. *Annual Review Sociology, 29*(1), 89–113.

Wan Roslili Abd. Majid, & Najibah Mohd Zain. (2015). Isu dalam penahanan dan pemulihan banduan di Malaysia. *Jurnal Undang-Undang Malaysia, 27*(1), 143–168.